

PENGHUNI SETINGGAN DAN STRATEGI KELANGSUNGAN SOSIO-EKONOMI DI KOTA KINABALU, SABAH¹

(SQUATTERS AND SOCIO-ECONOMIC SURVIVAL STRATEGIES IN
KOTA KINABALU, SABAH)

Jalilah Md. Shah
Universiti Malaysia Sabah (jelia14@hotmail.com)

Abstract

Poverty is a social phenomenon which occurs everywhere, regardless of boundaries of region, gender or ethnic group. Poverty occurs in urban areas, for example, although they are the focus of development projects and are equipped with the latest infrastructure. One of the main areas of poverty in the city is the squatter colony. In 2005, there were 26 squatter areas in Kota Kinabalu, as determined by the Kota Kinabalu City Hall, most of which were inhabited by immigrants. The question arises: is it true that the squatters are actually poor, or do they choose to live in these areas as a strategy to benefit from lower cost of living in the city? How do these squatters and their families adapt to living in these areas that lack proper infrastructure? In relation to these questions, this paper will discuss the economic activities of squatters in the city of Kota Kinabalu, and their strategies to shift out from poverty.

Keywords: Squatter, Urban Poverty, Socio-Economic Survival, Immigrant, Migration

Pengenalan

Ketidaksampaian kepada prasarana yang sempurna misalnya bekalan air tidak bersih, persekitaran kotor serta sistem pembentungan yang tidak sempurna merupakan antara masalah yang dihadapi oleh penghuni di kawasan setinggan. Masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan kawasan dalam pembangunan telah menjadi isu dalam pembangunan di Malaysia (Ghani, 2000:5). Kita tidak perlu membuat perbandingan ketidaksamarataan yang wujud di antara kawasan bandar-luar bandar, sebaliknya di dalam lingkungan bandar sendiri telah wujud dua bentuk kawasan yakni kawasan yang lebih membangun dan mundur. Misalnya kemiskinan di kawasan setinggan yang tersisih daripada pembangunan yang terdapat di kawasan bandar.

Setinggan merupakan masalah sejagat sepertimana juga masalah kemiskinan kerana kedua elemen ini mempunyai saling kait yang erat. Lazimnya di kawasan bandar, penduduk miskin menghuni di penempatan setinggan (Lihat Mohd. Taib, 2000). Kajian tentang setinggan sememangnya mendapat perhatian utama dalam melihat fenomena kemiskinan bandar. Hal ini kerana setinggan

adalah cermin atau model kemiskinan bandar, tidak kira di Negara Maju atau Negara Membangun sekalipun (Mohd. Taib, 2000). Justeru itu, perbincangan dalam kertas kerja ini cuba mengupas aktiviti ekonomi penghuni setinggalan dan kaedah yang mereka gunakan untuk menyesuaikan diri dengan kekurangan yang mereka hadapi di kawasan penempatan mereka.

Kemiskinan Bandar

Masalah kemiskinan di Malaysia bukan lagi isu yang hanya berlaku di luar bandar semata-mata seperti yang digambarkan sebelum tahun 1970-an. Migrasi yang akhirnya menjadi fenomena massa menyebabkan kawasan bandar menjadi tumpuan manusia. Pasaran kerja formal di bandar yang gagal menyerap sumber manusia yang berhijrah mengundang pengangguran dan penyediaan kemudahan asas. Ini merupakan indikator penting mewujudkan golongan miskin bandar. Di samping ukuran pekerjaan, kemiskinan bandar juga berkait rapat dengan kesampaian penghuni miskin ini kepada kemudahan seperti pengangkutan, kesihatan, pendidikan, perumahan termasuklah saiz rumah dan bilangan ahli isi rumah (Sulochana, 2007). Ekoran itu, isu kemiskinan bandar dijangka menjadi semakin serius dengan kepesatan proses pembandaran dan pertumbuhan penduduk di bandar (Chamhuri, 1998:3). Sebenarnya kemiskinan bandar lebih kompleks sifatnya dari segi punca, bentuk dan golongan miskin adalah pelbagai etnik (Sulochana, 2007). Bagi negeri Sabah, isu ini juga melibatkan golongan imigran khususnya pendatang dari Filipina dan Indonesia.

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pemerintah dan golongan miskin sendiri untuk keluar daripada kancuh kemiskinan. Pada peringkat nasional, pemerintah telah membentuk pelbagai program pembangunan dan projek pembasmian kemiskinan, menubuhkan jawatankuasa (Utusan Online, 21 Januari 2008) malah memperuntukkan sejumlah wang dalam setiap Rancangan Malaysia untuk mengatasi fenomena kemiskinan sama ada di bandar mahupun luar bandar. Dalam pada itu, peranan yang digerakkan menerusi skim mikro kredit daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) banyak membantu penghuni miskin untuk mengatasi masalah kemiskinan yang mereka alami sama ada di bandar mahupun luar bandar. Tidak dinafikan usaha ini menunjukkan pencapaian yang baik, buktinya, peratusan isi rumah miskin di bandar dan luar bandar jauh lebih rendah berbanding dekad 1970-an. Misalnya, peratusan kadar kemiskinan keseluruhan semakin menurun iaitu 8.5 peratus pada tahun 1999 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004 (Lihat Rancangan Malaysia Kesembilan). Manakala kadar kemiskinan di bandar turut menyaksikan penyusutan dari 3.3 peratus pada tahun 1999 kepada 2.5 peratus bagi tahun 2004 (Lihat Rancangan Malaysia Kesembilan). Meskipun begitu, isu kemiskinan masih lagi merupakan agenda utama di peringkat nasional. Malahan, sifar kemiskinan tegar telah menjadi sasaran kerajaan menjelang tahun 2010.

Kawasan Setinggan di Bandaraya Kota Kinabalu

Kawasan bandar yang sentiasa menjadi nadi mencari punca pendapatan dan menikmati kemudahan asas yang sempurna berbanding luar bandar menjadikan kawasan ini tumpuan golongan penghijrah. Kegagalan perumahan bandar menampung bilangan penduduk yang semakin bertambah menyebabkan kawasan setinggan tumbuh dengan begitu pesat sekali. Dunia hari ini juga menyaksikan peningkatan kawasan rumah dan penduduk setinggan/*slum*. Malahan 40.0 peratus daripada kawasan perumahan di kawasan bandar di seluruh dunia diklasifikasikan sebagai *slum* (PBB, 3 Oktober 2003). Pun begitu, masalah ini tidak sekali-kali menyekat golongan penghijrah untuk menjadikan kawasan bandar sebagai tempat di mana punca rezeki boleh digembleng.

Jadual 1: Anggaran Penduduk Setinggan Mengikut Negeri di Malaysia (2000)

Negeri	Warganegara (A)	Warga Asing (B)	(A) + (B)
Perlis	14,924	-	-
Kedah	12,471	-	-
Pulau Pinang	50,382	1,250	51,632
Perak	40,544	-	-
Selangor	151,134	38,969	190,103
Melaka	7,157	-	-
Negeri Sembilan	930	-	-
Johor	65,828	-	-
Pahang	13,073	132	13,205
Terengganu	4,530	-	-
Kelantan	10,410	-	-
Sabah	95,010	97,708	192,718
Sarawak	92,484	-	-
Jumlah	558,877	138,059	477, 658

(Sumber: Zainuddin, 2000:14)

Pertumbuhan pesat kawasan bandar yang berlaku hampir di semua negeri di Malaysia telah menjadikan isu setinggan bersifat nasional. Buktinya usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang tidak mempunyai kawasan setinggan (sifar setinggan) menjelang tahun 2005 telah dijadikan agenda di peringkat kebangsaan. Secara keseluruhan, seramai 696, 936 penduduk di negara ini tinggal di kawasan setinggan. Walaupun angka ini kecil (kurang daripada 5.0 peratus) jika dibandingkan dengan 23.27 juta penduduk Malaysia namun di beberapa buah negeri angka ini terlalu tinggi dan isu ini boleh dikategorikan sebagai kritikal. Seperti yang ditunjukkan melalui Jadual 1 di bawah, tiga buah negeri iaitu Selangor, Sabah dan Sarawak mempunyai penghuni setinggan lebih 90 ribu orang yakni bawah 5.0 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Sarawak dan Selangor dan 7.4 peratus bagi negeri Sabah.

Daripada ketiga-tiga negeri ini, Selangor pula mencatatkan penduduk setinggan warganegara yang tertinggi mendahului Sabah. Bagaimanapun sekiranya setinggan warga asing diambil kira, Sabah adalah negeri yang paling ramai penduduk setinggan dan 70.8 peratus daripada jumlah setinggan asing yang dilaporkan ditemui di negara ini tinggal di kawasan-kawasan setinggan yang ada di sekitar negeri Sabah.

Di Kota Kinabalu sendiri, bilangan rumah setinggalan telah mengalami pertambahan sejak ia mula dilaporkan sebelum tahun 1970-an lagi (Jalilah, 2004). Terdapat dua tahap perkembangan kawasan setinggalan di Kota Kinabalu. Pertama peringkat awal berlaku sebelum 1970-an yang melibatkan setinggalan tempatan. Tahap kedua iaitu selepas tahun 1970-an memperlihatkan kemunculan setinggalan asing secara berleluasa. Punca kepada masalah disebabkan oleh penghijrahan golongan belia tempatan luar bandar ke bandar dan bertambahnya kemasukan pelarian dari Filipina (Dayu, 1981:142).

Secara keseluruhannya, terdapat empat sebab utama yang boleh menerangkan punca kemunculan kawasan setinggalan di negeri Sabah. Pertama masalah ketidakupayaan kawasan perumahan menampung bilangan penduduk yang semakin meningkat (Dayu, 1981). Seterusnya kelahiran semula jadi, proses migrasi luar bandar ke bandar dan penghijrahan antarabangsa (Cheong, 1991). Migrasi antarabangsa ini merujuk kepada kemasukan golongan pendatang asing dengan izin ataupun tanpa izin dari dua negara jiran Malaysia iaitu Filipina dan Indonesia. Kajian yang menghubungkan pertumbuhan kawasan setinggalan dan pendatang asing pernah dilaporkan dalam penulisan Dayang Suria (2000) dan Jalilah (2003).

Kajian oleh Mohd. Yaakub Hj. Johari dan Chang Shui Kiong (1992) pula menegaskan isu setinggalan bukan masalah perundangan semata-mata sebaliknya ia juga adalah manifestasi masalah sosial dan ekonomi. Penduduk di 18 kawasan setinggalan di Kota Kinabalu yang dikaji mempunyai akses kepada kemudahan awam seperti bekalan air yang bersih (43.6 peratus) dan elektrik (62.2 peratus). Namun pada keseluruhannya prasarana di kawasan tersebut masih berada pada tahap yang rendah dan hal tersebut menyebabkan mereka terdedah kepada persekitaran yang kurang sihat dan tidak selamat.

Menurut kajian tersebut, kawasan setinggalan di negeri Sabah dilihat sebagai masalah bandar yang serius hanya pada lewat tahun 1970-an. Kajian tersebut menyimpulkan setinggalan dilihat sebagai mewakili kumpulan bawahan dalam strata sosial masyarakat di kawasan bandar dengan majoriti (75.4 peratus) pendapatan ketua isi rumah kurang daripada RM533.00 sebulan dan merupakan penyumbang pendapatan tunggal. Lazimnya ketua isi rumah merupakan pekerja tidak mahir (70.5 peratus) seperti buruh, kerani dan pemandu yang kurang berpendidikan dengan 57.8 peratus sahaja yang pernah bersekolah rendah.

Kategori Penghuni Setinggalan di Bandaraya Kota Kinabalu

Kawasan setinggalan meningkat jumlahnya dalam tiga dekad sebelum ini terutamanya selepas pengaliran masuk pelarian dan pendatang tanpa izin dari Filipina sejak tahun 1975. Walaupun gambaran negatif sinonim dengan kawasan setinggalan, realitinya kawasan ini masih lagi merupakan lokasi tumpuan golongan penghijrah terutamanya pendatang asing.

Penduduk setinggalan di Kota Kinabalu boleh dibahagikan kepada dua kategori yang utama iaitu setinggalan pemilik dan setinggalan penyewa (Cheong, 1991). Setinggalan pemilik adalah mereka yang membina rumah dan mendiami satu-satu kawasan yang status pemilik tanah tidak diketahui (kerajaan ataupun

persendirian). Manakala bentuk yang kedua pula adalah setinggalan yang menyewa rumah dari penghuni setinggalan yang lain. Ada juga setinggalan yang hanya menyewa bilik sahaja. Selain pembahagian dua jenis penghuni setinggalan ini berdasarkan status pemilikan rumah, setinggalan di Kota Kinabalu juga boleh dikenal pasti dari segi kewarganegaraan; setinggalan tempatan dan setinggalan warga asing (Laporan Unit Setinggalan, MPKK, 1999). Dari segi geografinya pula, kawasan setinggalan boleh ditemui di tengah-tengah pusat bandar (Kg. Sembulan Lama dan Sembulan Baru), pinggir laut (Tanjung Aru), pinggir sungai (Kg. Bakau dan Kg. Lembaga Padi), sekitar pulau (Lok Urai dan Pulau Gaya) dan sekitar pinggir bukit.

Jadual 2: Kawasan Setinggalan di Kota Kinabalu (1999 & 2005)

Bil	Kawasan (Zon)	Jumlah Rumah (Anggaran)	
		1999	2005
	PENAMPANG		
1.	Kg. Kopungit	275	-
2.	Jln Bundusan, Luyang	100 - 200	-
3.	Jln Settlement, Luyang	30	-
4.	Tapak Jabatan Perhutanan Sabah	10	-
5.	Kg. Matabian, KM2	-	51
6.	Jalan Fung Yi Ting	-	9
	TANJUNG ARU / PETAGAS		
7.	Tanjung Aru Baru	181	89
8.	Tanjung Aru Lama	55	108
9.	Kg. Bunga Raya	85	66
10.	Kg. Sri Tanjung	457	444
11.	Tg. Aru Sempelang	-	32
	SEMBULAN		
12.	Sembulan Lama/Tengah Baru	100 - 500	211
13.	Kg. Muhibbah	104	-
	SEKITAR PULAU (PUSAT BANDARAYA KK)		
14.	Pulau Gaya	5000	144
15.	Lok Urai	-	324
16.	Lok Bota	-	88
17.	Lok Molon	-	27
18.	Kg. Pondo	-	309
	LIKAS		
19.	Likas Square	50	-
20.	Kg. Pantai Teluk Likas	271	357
21.	Dewan Undangan (tepi pantai)	50 - 100	-
22.	Kuala Likas	114	-
23.	Kg. Gusung	68	98
24.	Kg. Cenderamata	140	93
25.	Kg. Muhibbah	160	42
26.	Kg. Bakau	461	549
27.	Kg. Lembaga Padi	450	300
28.	Monggorok	50 - 80	-
29.	Kg. Cenderakasih	100 - 300	-
30.	Layang Likas	-	80
31.	Layan Likas	-	18
	INANAM		
32.	Berhampiran Taman BDC Kolombong (tepi sungai)	100 - 200	-
33.	Inanam Jaya	1000	-
34.	Kg. Kalansanan	50 - 100	-
35.	Kg. Tatahan	50 - 100	-
36.	Sektor Tapak Projek UMS	500-1000	-
	MENGGATAL		
37.	Tapak MUIS Kg. Tebobon/Tebobon	50 - 100	56
38.	Kg. Lok Buthun, Lokub	100 - 500	213
39.	Taman Sepanggar	100 - 200	-
40.	Kg. Bendulan	100 - 200	-
41.	Bt. 12 ½ Lobou Estate	100 - 500	-
42.	Kg. Pulau Penampang	100 - 300	-
43.	Kg. Delima Baru	100 - 300	85
44.	Pulau Sepanggar	-	48
45.	Unggun Jaya	-	38
	JUMLAH	10, 661	3,879

(Sumber: Laporan Unit Setinggalan MPKK, 1999 & DBKK, 2005)

Setinggalan di kawasan pulau yang terletak berhadapan dengan Bandaraya Kota Kinabalu merangkumi lima buah perkampungan setinggalan yang terdapat di sekitar pulau-pulau ini iaitu Lok Bota (88 buah rumah), Lok Urai (324 buah rumah), Lok Molon (27 buah rumah), Pulau Gaya (144 buah rumah) dan Kampung Pondo (309). Kumpulan pendatang asing ramai bertumpu di kawasan pulau selain daripada membina penempatan di perkampungan setinggalan darat. Jika dibandingkan dengan setinggalan di kawasan darat, penghuni setinggalan yang tinggal di sekitar pulau berdepan dengan masalah prasarana yang lebih kritikal. Sebagai contoh setinggalan di kawasan Pulau Gaya menggunakan generator untuk mendapatkan bekalan elektrik yang kosnya lebih tinggi berbanding penghuni setinggalan di darat; membeli air dari pusat Bandaraya Kota Kinabalu; serta kos pengangkutan pergi-balik ke pusat Bandar yang lebih tinggi.

Pada tahun 2005, mengikut sumber Dewan Bandaraya Kota Kinabalu terdapat 26 buah kawasan setinggalan yang telah dikenal pasti berada di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (Rujuk Jadual 2). Berbanding dengan angka enam tahun sebelum itu yakni 1999, bilangan kawasan setinggalan telah berkurangan, namun dipercayai ada kawasan setinggalan baru yang dibuka. Sebagai contoh seperti yang ditunjukkan menerusi Jadual 2, terdapat 11 kawasan baru yang sebelum 1999 tidak dicatatkan dalam Laporan MPKK.

Ini mungkin ada kaitan dengan kerja-kerja perobohan rumah di kawasan setinggalan ini dan penduduk terbabit membuka petempatan baru di kawasan lain. Selama tiga dekad selepas dua kawasan setinggalan awal dikenal pasti pada tahun 1976 di Kota Kinabalu, jumlah setinggalan terus bertambah dari tahun ke tahun. Kedua-dua kawasan setinggalan awal ini iaitu Kampung Sembulan dan Tanjung Aru masih tercatat namanya dalam senarai setinggalan yang disediakan oleh DBKK pada tahun 2005.

Aktiviti Ekonomi Penghuni Setinggalan

Kawasan setinggalan merupakan antara lokasi perniagaan yang aktif di kawasan bandar. Pelbagai aktiviti ekonomi telah dijana di kawasan ini sama ada secara sah mahupun tidak sah. Di perkampungan setinggalan Lembaga Padi, Kg. Likas Kota Kinabalu sebagai contoh didapati lebih daripada 30 wanita yang berniaga di warung dan mengendalikan perniagaan kedai runcit (Rawlins, 2004). Malahan hampir sebahagian besar titi yang menjadi laluan keluar-masuk utama penduduk kampung mempunyai tapak berniaga sayuran, buah-buahan mahupun ikan basah.

Kajian yang dilakukan ke atas tiga buah perkampungan setinggalan (Kg. Lembaga Padi, Tanjung Aru dan Sembulan Lama) yang melibatkan 190 responden mendapati sebahagian besar responden (60.5 peratus) bekerja makan gaji. Seperti yang ditunjukkan melalui Jadual 3, terdapat 16 bidang kerja kesemuanya yang melibatkan responden makan gaji (Jalilah, 2006). Hampir separuh daripada responden yang mempunyai majikan ini menjadi buruh binaan. Lazimnya mereka bekerja di projek-projek perumahan dan pusat komersial di sekitar Kota Kinabalu dan berhampiran dengan kawasan tempat tinggal. Antara bentuk kerja yang dilakukan oleh responden yang menjadi buruh binaan ialah mengangkat batu bata

dan simen serta mengecat bangunan. Manakala yang tidak bekerja pula merupakan responden wanita yang menjadi suri rumah sepenuh masa.

Walaupun begitu, menerusi kajian awal yang dilakukan oleh penulis di Kampung Lembaga Padi ditemui golongan suami yang tidak mempunyai sumber pendapatan dan bergantung sepenuhnya kepada aktiviti ekonomi isteri. Ini paling ketara bagi isi rumah di mana suami uzur ataupun telah diberhentikan kerja. Ini bermakna, ada wanita setinggalan yang tidak bekerja di luar rumah khususnya yang telah berkahwin dan mempunyai anak kecil tetapi menyumbang kepada pendapatan keluarga dengan berniaga secara kecil-kecilan ataupun menjadi pengasuh anak tetangga.

Selain menjadi buruh binaan, kajian ini menemukan dua lagi kerja yang ramai dimasuki oleh responden iaitu menjadi pelayan dan pengawal. Responden menjadi pelayan di restoran dan kedai makan yang terdapat di sekitar Kota Kinabalu. Kerja-kerja lain yang dilakukan oleh responden ialah tukang kebun dan pembantu rumah. Ada juga responden bekerja di pejabat.

Jadual 3: Aktiviti Ekonomi Responden

Aktiviti Ekonomi	Kekerapan	Peratus
Kerja Sendiri	42	22.1
Berniaga	27	14.2
Nelayan	13	6.9
Tukang Kasut	1	0.5
Tukang Jahit	1	0.5
Makan Gaji	115	60.5
Buruh Binaan	50	26.3
Pengawal	9	4.7
Pelayan	15	7.8
Tukang Sapu	4	2.1
Juru Elektrik	3	1.6
Kerja Ladang	2	1.1
Kerja Hotel	2	1.1
Pemandu Kenderaan	6	3.2
Pemandu Bot	1	0.5
Tukang Kebun	1	0.5
Pembantu Rumah	9	4.7
Mekanik	3	1.6
Mandur	2	1.1
Juru Jual	1	0.5
Kerja Pejabat	1	0.5
Kerja Kilang	6	3.2
Tidak Bekerja	33	17.4
Jumlah	190	100.00

(Jalilah, 2006: 246)

Umumnya pekerjaan yang dilakukan penghuni setinggalan yang dikaji tidak memerlukan kepakaran dan kemahiran. Hanya sebilangan kecil sahaja yang memasuki pasaran kerja berbekalkan kemahiran. Terdapat dua bentuk latihan kemahiran yang diterima oleh penghuni setinggalan yang dikaji iaitu latihan secara formal yang disediakan oleh majikan dan keduanya latihan tidak formal yang

diberikan oleh sanak saudara dan rakan mereka. Daripada keseluruhan responden yang bekerja, hanya seramai 11 orang yang pernah mendapat latihan yang disediakan oleh majikan masing-masing. Justeru itu, lebih daripada 80.0 peratus responden yang memasuki pasaran buruh tidak dibekalkan dengan latihan. Ini merupakan satu senario yang biasa ditemui kerana responden tidak mempunyai pendidikan dan bukan bekerja secara tetap. Kebiasaannya, majikan juga tidak memberikan latihan kerana pendatang asing merupakan pekerja yang kerap bertukar tempat kerja dan ini satu kerugian kepada majikan. Lagi pula kerja yang dilakukan responden tidak menggunakan teknologi dan kepakaran yang tinggi. Justeru itu, kemahiran akan diperoleh menerusi proses bekerja yang dilalui oleh responden itu sendiri.

Jadual 4: Anggaran Upah Yang Diterima Responden Termasuk Elaun Lebih Masa (Sebulan)

Pendapatan	Kekerapan	Peratus
Kurang RM300	2	1.7
RM300-RM500	72	62.6
RM501-RM700	23	20.0
RM701-RM900	7	6.1
RM901-RM1,100	3	2.6
RM1,101-RM1,300	4	3.5
Tidak Tentu	1	0.9
Tidak Diperoleh	3	2.6
Jumlah	115	100.0

(Jalilah, 2006, 250)

Kajian ke atas 190 di tiga buah perkampungan setingan di Bandaraya Kota Kinabalu mendapati sebahagian besar daripada responden (64.3 peratus) menerima upah RM500.00 dan ke bawah setiap bulan. Gaji tertinggi yang diperoleh sebilangan kecil responden adalah pada tingkat RM1,101.00 hingga RM1,300.00 yakni mereka yang bekerja di pejabat, mandur dan buruh binaan yang telah bekerja untuk tempoh yang lama.

Strategi Setingan Untuk Kelangsungan Hidup di Kawasan Setingan

Golongan miskin merupakan kelompok yang tersingkir dalam banyak aspek kehidupan di bandar (Mohd. Taib & Mohd. Razali, 1998:38). Justeru itu, mereka perlu mengatur strategi yang bersesuaian agar kemudahan asas yang tidak sempurna dapat digunakan sepenuhnya agar kehidupan mereka dapat berjalan lancar.

Pemilikan Kemudahan/Peralatan dalam Isi Rumah

Persekitaran hidup di kawasan setingan sedikit sebanyak mempengaruhi pola pemilikan responden ke atas barangan elektrik dan perabot di dalam rumah. Rata-rata penghuni berasal daripada latar belakang ekonomi berpendapatan rendah dan

rumah yang mereka diduduki dibina tanpa mematuhi undang-undang. Menurut responden, memiliki barangan perabot yang banyak akan menyusahkan sekiranya diarahkan berpindah. Di samping itu, ruang rumah pula kecil dan sempit. Ancaman bencana kebakaran dan banjir yang kerap berlaku juga dijadikan sebab kenapa mereka hanya memiliki barangan keperluan asas sahaja seperti lampu, kipas dan televisyen.

Jadual 5: Pemilikan Kemudahan/Peralatan Di Dalam Rumah Responden

Kemudahan/Peralatan	Jumlah Responden (Bil. 190)	Peratus (Bil. 190)
Televisyen	148	77.9
Perakam Video / Perakam VCD	101	53.2
Radio / Mini Kompo	88	46.3
Peti Sejuk	78	41.1
Mesin Basuh	26	13.7
Kipas Angin	167	87.9
Telefon Bimbit	75	39.5
Telefon Rumah (Telekom)	12	6.3
Komputer	1	0.5
Perabot		
Set Meja Makan	71	37.4
Set Kerusi/Sofa	47	24.7
Almari Pakaian/Perhiasan	157	82.6
Katil	129	67.9
Kenderaan		
Motosikal	7	3.7
Kereta	4	2.1
Lori	-	-
Perahu/Bot	14	7.4

(Jalilah, 2006, 238)

Kipas ialah satu peralatan yang wajib ada dalam setiap isi rumah, buktinya lebih 87.9 peratus daripada isi rumah responden memiliki kipas angin. Ini tidak menghairankan kerana di ketiga-tiga kawasan setinggan yang dikaji rumah adalah rapat, sesak dan terletak di atas laut atau sepanjang sungai. Di samping itu, kebanyakan rumah responden ini juga saiznya kecil sedangkan ahli keluarga yang tinggal dalam sebuah rumah adalah ramai.

Peti sejuk dan mesin basuh boleh dianggap sebagai barang mewah di dalam sesebuah isi rumah responden di kawasan setinggan. Justeru itu, hanya sebanyak 13.7 peratus mempunyai mesin basuh dan sebanyak 41.1 peratus memiliki peti sejuk. Pemilikan dua barang elektrik ini akhirnya juga menyebabkan kos untuk membayar sewa elektrik juga meningkat kerana semakin banyak penggunaan barangan elektrik maka semakin tinggi bayaran api yang dikenakan. Para isteri responden rata-rata menjadi suri rumah dan terlibat dalam aktiviti ekonomi dalam lingkungan komuniti setinggan ini sendiri. Oleh itu, mesin basuh bukanlah satu kemestian. Ketiadaan peti sejuk pula bukanlah satu masalah bagi isi rumah responden kerana mereka boleh membeli ikan dan sayur segar setiap hari di gerai yang beroperasi berhampiran rumah mereka.

Dari satu segi, ketidakmampuan untuk memiliki peti sejuk di kalangan penduduk dalam masa sama telah membuka satu bentuk perniagaan di perkampungan setinggalan ini terutamanya di Kampung Lembaga Padi iaitu penjualan ais batu. Ais batu dipecahkan daripada blok ais besar dan dijual pada harga RM0.20 sen satu bakul plastik. Selain itu, berniaga minuman sejuk seperti minuman tin dan jus buah juga laris di kawasan ini.

Kemudahan telefon boleh dikatakan signifikan dalam sesebuah isi rumah di kawasan setinggalan. Ini mungkin ada kaitannya dengan status responden sebagai pendatang yang perlu berhubung dengan sanak saudara di negara asal. Meskipun bilangan responden yang memiliki telefon bimbit kurang daripada 50.0 peratus namun ini juga membayangkan bahawa mereka mampu untuk membeli kemudahan ini. Lagipun syarikat telekomunikasi masa ini menyediakan pelbagai pakej yang menarik untuk pelanggan seperti panggilan pra-bayar yang membolehkan pengguna mengawal selia penggunaan talian. Telefon bimbit khususnya yang terpakai pula boleh dibeli pada harga yang murah sekitar RM200.00. Di samping itu, rumah di kawasan ini kurang memperoleh kemudahan telefon TELEKOM terutama sekali mereka yang tinggal di tepi sungai atau laut.

Pemilikan barangan perabot bukanlah satu yang diutamakan di kalangan responden. Bilangan responden yang mempunyai set meja makan dan set kerusi/sofa juga sangat kecil masing-masing 37.4 peratus dan 24.7 peratus. Dalam sesetengah rumah pula surat khabar digunakan sebagai tikar setiap kali hendak makan. Lebih daripada 60.0 peratus responden yang mempunyai katil di rumah, namun rata-rata mereka hanya ada satu set katil sahaja. Selebihnya tidur di lantai beralaskan tilam ataupun tikar. Bagi rumah responden yang tidak mempunyai bilik tidur, tikar atau tilam diletakkan di tepi dinding rumah pada waktu siang.

Kurang daripada 3.0 peratus responden memiliki kenderaan sendiri. Keadaan ini pada amnya disebabkan oleh pendapatan mereka yang rendah di samping taraf mereka dari segi undang-undang. Kalau ingin memiliki lesen memandu misalnya, responden perlu mengambil ujian dan berurusan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan sedangkan sebahagian besar responden adalah warga asing yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Di samping itu, ketiga-tiga lokasi perkampungan setinggalan ini terletak berhampiran dengan pusat Bandaraya Kota Kinabalu. Sebagai contoh, dari Kampung Sembulan ke pusat bandar perjalanan mengambil masa kurang daripada lima minit menggunakan kenderaan. Justeru itu, tambang bas agak murah yakni RM0.50. Bagaimana pun ada di kalangan responden yang mengatakan mereka sebenarnya mampu untuk membeli kereta namun, mereka khuatir dengan keselamatan kenderaan yang dibeli kerana terpaksa diletak jauh dari rumah mereka. Berbeza dengan kereta, bilangan responden yang mempunyai perahu/bot iaitu 14 orang. Responden yang memiliki bot adalah mereka yang terlibat secara tidak langsung dengan aktiviti penangkapan ikan. Namun begitu, bot juga digunakan untuk pengangkutan.

Menghalang Perobohan Rumah

Lebih daripada 60.0 peratus responden mula menduduki perkampungan setinggalan sebelum tahun 2000. Malahan dalam tempoh pelaksanaan Ops-Nyah II iaitu tahun 2000 hingga 2003 pun bilangan responden yang menjadi penghuni di

kawasan setinggalan ini besar jumlahnya (22.1 peratus). Sedangkan dalam jangka waktu tersebut, usaha untuk menghantar semula pendatang asing tanpa izin dan kerja-kerja perobohan rumah setinggalan giat dilaksanakan. Mengikut laporan akhbar tempatan, golongan pendatang ini telah dilindungi oleh pihak tertentu (Daily Express, 16 Ogos 2001). Bagi melindungi rumah mereka daripada dirobohkan, tindakan mereka hampir sama seperti yang dilakukan oleh penghuni kawasan setinggalan lain di Malaysia iaitu mengibarkan bendera parti-parti politik kerajaan. Malah ada juga wakil rakyat di negeri ini yang dikatakan menghubungi pihak penguat kuasa agar kawasan setinggalan tertentu tidak diganggu dan dibongkar. Di samping itu, ada juga dakwaan kononnya ada orang berpengaruh yang memiliki rumah setinggalan dan menyewakannya kepada pendatang asing. Bagaimanapun penulis tidak dapat mengesahkan dakwaan ini.

Kos Tempat Tinggal Lebih Murah

Dakwaan bahawa ada setinggalan penyewa ini berasas bila dilihat status pemilikan rumah di kalangan responden. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 14 didapati sebahagian besar responden (55.3 peratus) menjadi penyewa. Tuan rumah responden terdiri daripada penduduk tempatan seperti etnik Cina dan Bajau serta dari kumpulan pendatang sendiri. Di Kampung Lembaga Padi sebagai contoh, daripada 25 orang responden yang menyewa, 21 orang mengatakan tuan rumah mereka adalah orang Bugis. Ini menunjukkan meskipun dari segi undang-undang kawasan setinggalan ini adalah perumahan haram namun ramai pihak termasuk pendatang sendiri dan juga penduduk tempatan yang mengambil keuntungan dengan menyewakan rumah setinggalan kepada pendatang asing.

Jadual 6: Status Pemilikan Rumah Responden

Status Pemilikan	Kekerapan	Peratus
Pemilik	46	24.2%
Penyewa	105	55.3%
Tumpang Keluarga	21	11.1%
Tumpang Kawan	9	4.7%
Disewakan Oleh Majikan	9	4.7%
Jumlah	190	100.0%

(Jalilah, 2006: 242)

Kajian ini juga mendapati ada dari kalangan responden yang telah memiliki rumah setinggalan yang didiami. Mereka membeli rumah ini daripada pendatang yang telah lama menetap di negeri ini dan dari kalangan penduduk tempatan sendiri. Selain itu, menerusi pemerhatian penyelidikan sendiri dan maklumat daripada informan didapati bahawa rumah berderet disewakan kepada pendatang asing. Rumah sederet ini dibahagikan kepada beberapa buah bilik lagi.

Selain itu, ada juga di kalangan responden yang tinggal di rumah yang disediakan oleh pihak majikan. Kos untuk tinggal di rumah di kawasan setinggalan jauh lebih murah jika dibandingkan di taman perumahan biasa misalnya RM300.00

termasuk bil air dan elektrik. Pertama jimat dari segi bayaran elektrik dan air di samping tidak perlu membayar cukai pintu seperti penghuni di kawasan kediaman yang sah.

Penyesuaian Diri dengan Kekurangan Prasarana

Meskipun kawasan setinggalan berdepan dengan masalah kekurangan prasarana namun, rata-rata penghuni setinggalan berjaya menyesuaikan diri dengan isu ini. Sebagai contoh, penghuni setinggalan secara bergilir-gilir mendapatkan bekalan air yang diatur oleh pemilik meter air. Malahan bekalan air menjadi perniagaan yang menguntungkan bagi pemilik meter air di kawasan setinggalan (Jalilah, 2003). Di samping itu, ada juga di kalangan penghuni setinggalan di Kampung Lembaga Padi misalnya yang mengendalikan sampah sarap mereka dengan membina jaring dawai di sekitar kawasan rumah masing-masing (Marja Azlima & Jalilah, 2006). Meskipun bilangan penghuni setinggalan yang berbuat demikian sangat kecil, namun, usaha ini setidaknya-tidaknya berjaya mengawal sampah memasuki kawasan tempat tinggal penghuni terbabit.

Mempelbagaikan Aktiviti Ekonomi

Pekerjaan digunakan sebagai strategi mengatasi kemiskinan di kalangan setinggalan yang dikaji oleh Khoo Joo Loi (1988). Setinggalan yang dikaji beliau berusaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan melakukan pelbagai pekerjaan untuk menyara keluarga (Mohd. Taib, 2000). Penemuan yang hampir serupa juga ditemui dalam kajian ke atas penghuni setinggalan di Bandaraya Kota Kinabalu. yang melakukan lebih dari satu aktiviti ekonomi untuk menampung kehidupan mereka. Golongan wanita wanitanya sebagai contoh menjana pendapatan di sekitar tempat tinggal mereka dan menggabungkan dua kegiatan ekonomi (Jalilah, 2003). Ada juga golongan lelaki yang menangkap ikan di pinggir laut Teluk Likas dan Sungai Inanam-Likas untuk dijual dan kegunaan sendiri. Malahan ahli isi rumah setinggalan juga bekerja. Terdapat anak-anak isi rumah setinggalan yang tidak bersekolah juga terlibat dalam kegiatan ekonomi di pusat bandar raya negeri Sabah (Dzurizah & Jalilah, 2006).

Pengendalian Aktiviti Ekonomi

Menyedari bahawa penghuni setinggalan rata-rata berpendapatan rendah, peniaga di kawasan ini mempunyai kaedah tersendiri untuk memastikan aktiviti ekonomi mereka akan terus beroperasi. Pertama, peniaga menjual barangan dalam kuantiti yang kecil. Misalnya pewangi softlan, cuka dan kicap dibungkus semula ke dalam plastik dalam nilai RM0.20 (Jalilah, 2003). Kedua, memberi hutang kepada pelanggan. Meskipun ini merupakan risiko, misalannya hutang tidak dibayar, tetapi peniaga ada kalanya tiada pilihan. Ketiga, pembinaan tapak/warung berniaga daripada bahan buangan/usang. Sebagai contoh, peniaga membina gerai daripada kayu dan papan lapis usang dan terpakai untuk menjimatkan kos perniagaan mereka (Azizah & Jalilah, 2004).

Penutup

Bandar yang menjadi harapan untuk menjana ekonomi bagi penghuninya kadang kala tidak mampu menyediakan peluang yang cukup dan sewajarnya kepada penduduknya yang kian bertambah. Lantaran itu, bagi mereka yang tidak dapat menyertai arus massa terpinggir daripada pembangunan bandar dan melakukan pelbagai aktiviti ekonomi berasaskan kudrat yang mereka miliki. Rata-rata mereka ini memasuki pasaran kerja tidak formal, tidak selamat dari segi pulangan pendapatan dan hidup miskin. Implikasinya pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk kegunaan dan perbelanjaan keluarga.

Kemiskinan bukan lagi isu mutlak di kawasan luar bandar malah ia telah menjadi isu yang semakin kritikal di bandar. Golongan miskin di bandar kerap menjadikan kawasan setinggan sebagai tempat tinggal mereka. Rata-rata penghuni setinggan yang dikaji tergolong dalam isi rumah berpendapatan rendah. Mereka juga tinggal dalam persekitaran yang tidak selamat, tidak bersih dan kekurangan prasarana. Meskipun begitu, usaha dilakukan di peringkat komuniti dan isi rumah sendiri agar segala kekurangan yang mereka alami dapat diatasi. Pun begitu, Sifar Setinggan menjelang 2010 yang sedang giat dilakukan di Sabah kini merupakan ancaman terbesar penghuni setinggan di negeri ini.

Nota hujung

¹ Sebahagian besar kandungan artikel ini telah dibentangkan di The 6th International Malaysia Studies Conference pada 5-7 August 2008.

References

- Azizah Kassim. (1986). "The Squatter Women and the Informal Economy: A Case Study". Dalam Hing Ai Yun & Rokiah Talib (eds). *Women and Employment in Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Sosiologi & Antropologi, Universiti Malaya.
- Azizah Kassim & Jalilah Md. Shah. (2004). "Strategi Kelangsungan Hidup Pendatang Asing: Kajian Kes di Kota Kinabalu". Seminar Cross-Border Migration: Developing Policy Recommendations for Sabah. 29 Disember 2004, Anjuran Unit Penyelidikan Etnografi & Pembangunan, Universiti Malaysia Sabah.
- Cheong, Peter D. (1991). "Handling the Squatter Phenomenon in the Light of Emerging Conurbation of Kota Kinabalu". Dalam Mohd. Yaakub Hj. Johari (ed.) *Urban Poverty in Malaysia*. Kota Kinabalu: Konrad Adenauer Foundation – Institute for Development Studies (Sabah).
- Daily Express, 16 Ogos 2001.
- Dayu Bin Sansalu. (1981). "Sejarah Bandar Kota Kinabalu, Sabah 1946-1967". Tesis Sarjana Muda. Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

-
- Dzurizah Ibrahim dan Jalilah Md. Shah. (2006). "Buruh Kanak-Kanak Asing: Dilema Antara Tuntutan Kemanusiaan dan Pembangunan Bandar". Dalam Norhaslina Hassan (ed) *Dinamika Masyarakat Bandar Malaysia Ke Arah Kualiti Hidup Mapan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ghani Salleh. (2000). *Urbanisation & Regional Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Jalilah Md Shah. (2003). Peranan Wanita Dalam Komuniti Setinggan: Kajian Kes di Kampung Lembaga Padi, Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Tesis Sarjana Sastera. Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Jalilah Md. Shah. (2004). "Survival Ekonomi Wanita dalam Komuniti Setinggan". *Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara (Jati)*. Bil. 9. Universiti Malaya.
- Laporan Unit Setinggan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 2005. (Unpublished)
- Laporan Unit Setinggan, Majlis Perbandaran Kota Kinabalu, 1999. (Unpublished)
- Marja Azlima Omar & Jalilah Md. Shah. (2006). Local Communities and Their Garbage: A Case Study of Kampung Likas Squatters, Kota Kinabalu. The 2nd UMS - WAKO University Joint Seminar 2006, Universiti Malaysia Sabah, 28 Mac 2006.
- Mohd. Taib Dora. (2000). *Peminggiran Sosial: Keluarga Melayu Termiskin Bandar*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Yaakub Hj. Johari & Chang Shui Kiong. (1992). A Case Study of Squatter Settlements Within the Kola Kinabalu-Penampang Conurbation. Institute for Development Studies (Sabah). Kota Kinabalu.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 3 Oktober 2003.
- Rawlins, W. E. (2004). Micro-Enterprise, Women and Islam. International Conference on Social Sciences and Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 14-16 Dismber 2004.
- Sulochana Nair. "Trend Kemiskinan di Bandar Meningkat". Utusan Online, 11 Mac 2007.
- Zainuddin Hj. Abdul Rahman. (2000). Kemiskinan Bandar dan Permasalahan Setinggan. Persidangan Pengawalan dan Penempatan Semula Setinggan Seluruh Malaysia. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Universiti Sains Malaysia. Hotel Concorde Kuala Lumpur, 30 – 31 Oktober 2000.